

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD  
TARIKH :  
SOALAN : 38**

**Dato' Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah punca-punca yang menyebabkan wanita yang menghidap penyakit 'postpartum psikosis' selepas melahirkan anak dan apakah langkah-langkah untuk mengatasinya agar kes mencederakan bayi tidak berlaku lagi.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Proses kehamilan dan kelahiran adalah salah satu fasa perubahan dalam kehidupan seorang wanita yang mana ia boleh mendatangkan ketidakseimbangan dalam diri wanita tersebut, termasuk gangguan mental selepas bersalin. Gangguan mental selepas bersalin boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu gangguan emosi postpartum, kemurungan postpartum dan psikosis postpartum, juga disebut meroyan.

Psikosis postpartum merupakan gangguan mental yang biasanya dialami beberapa hari selepas bersalin sehingga dua atau tiga minggu kemudian. Namun risiko untuk mengidapnya tetap tinggi beberapa bulan

selepas bersalin. Ianya jarang dijumpai iaitu dalam setiap 500 - 1000 jumlah kelahiran tetapi keadaannya serius dan memerlukan rawatan segera.

Berdasarkan kajian saintifik, tiada punca khusus yang menyebabkan psikosis postpartum. Walaubagaimanapun terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada gangguan ini iaitu sejarah keluarga yang mempunyai penyakit mental, sejarah penyakit mental terdahulu serta tekanan perasaan akibat daripada keadaan persekitaran, sosial dan psikologi seperti kehamilan yang tidak dirancang dan kepincangan rumah tangga.

Antara langkah-langkah pencegahan ialah mengesan awal ibu yang berisiko tinggi untuk mendapat gangguan mental selepas bersalin bagi membolehkan rawatan awal diberikan. Anggota kesihatan dilatih agar lebih peka terhadap perubahan tingkahlaku ibu semasa menjalankan penjagaan kepada ibu selepas bersalin (*postnatal care*). Selain itu, kempen kesedaran mengenai minda sihat juga dilaksanakan kepada masyarakat termasuk golongan ibu hamil agar menerapkan budaya minda yang sihat. Disamping itu, penekanan juga diberikan kepada pasangan dan ahli keluarga supaya memberikan sokongan emosi, rohani, fizikal dan sosial kepada ibu-ibu selepas bersalin sebagai pencegahan gangguan penyakit mental.

### **Tuan Yang Di Pertua,**

*Postpartum psychosis* adalah penyakit mental yang boleh menjejaskan seorang wanita selepas dia bersalin. Ia boleh mengakibatkan seseorang mengalami halusinasi (mendengar suara) dan delusi (kepercayaan tidak rasional). *Postpartum psychosis* dianggap menjejaskan satu dalam

setiap 1,000 wanita yang melahirkan anak. Ia kadang-kadang dirujuk sebagai *puerperal psikosis* atau psikosis selepas bersalin.

Tidak boleh dipastikan punca sebenar *postpartum psikosis*, namun ia sering dikaitkan dengan ketidakseimbangan hormon dan corak tidur. Pengaruh genetik juga memainkan peranan, wanita yang baru bersalin akan lebih cenderung untuk mendapat penyakit ini jika ada diantara saudara-mara rapat pernah mengalaminya. Ada kajian yang menunjukkan hubungan antara psikosis selepas bersalin dan gangguan bipolar.

Adalah penting untuk memahami bahawa psikosis selepas bersalin tidak disebabkan oleh tekanan, masalah hubungan atau bayi yang tidak diingini.

### **Tuan Yang Di Pertua,**

Antara langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut;

- a) saringan kesihatan mental keatas ibu semasa mengandung untuk mengenalpasti mereka yg berisiko mendapat kemurungan selepas bersalin amat penting agar rawatan dapat dimulakan dengan segera.
- b) Sokongan emosi, rohani, fizikal adalah penting bagi mencegah penyakit mental
- c) Pendidikan mengenai gangguan emosi dan kemurungan dan sokongan ahli keluarga diperlukan bagi mengurangkan punca tekanan psikologi.
- d) Sekira gangguan mental dikenalpasti ahli keluarga perlu membawa ibu tersebut berjumpa pegawai perubatan bagi

mendapatkan rawatan. Antara rawatan yang boleh diberikan adalah, psikoterapi sokongan, terapi kognitive tingkahlaku dan ubat-ubatan